MEMAJUKAN MALAYSIA

KHAZANAH NASIONAL

# ULASAN TAHUNAN KHAZANAH 2022

2 Mac 2022



© All Rights Reserved.
This material is confidential and proprietary to Khazanah Nasional Berhad. No part of this material should be reproduced or published in any form by any means, nor should the material be disclosed to third parties without the consent of Khazanah Nasional Berhad.

www.khazanah.com.my

# 01 SOROTAN 2021

02 Menuju Ke Hadapan

# 2021 menyaksikan pembukaan semula ekonomi global secara beransur-ansur dan pertumbuhan positif KDNK sebenar kembali di kebanyakan pasaran

KHAZANAH NASIONAL

## PERISTIWA UTAMA PADA 2021

### Global

**Pembukaan semula ekonomi** di serata dunia meskipun dengan penularan varian baharu (Delta, Omicron)

**Peningkatan inflasi global** (kekurangan semikonduktor, permintaan terpendam, peningkatan kos pengangkutan & komoditi)

**Tetapan semula kawal selia China** untuk mengimbangi pertumbuhan dan kemampanan

### Malaysia

**Program imunisasi** COVID-19 Kebangsaan, **>97% orang dewasa divaksin**

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob** dilantik sebagai **Perdana Menteri Malaysia ke-9**

**Belanjawan 2022** Perbelanjaan terbesar dalam sejarah Malaysia sebanyak RM332b, RM23b untuk bantuan Covid-19

*Sumber: Pelbagai artikel berita dari 2021 sehingga 4 Februari 2022*

## PRESTASI PASARAN GLOBAL 2021

### Peningkatan kembali Indeks Utama pada 2021




## PERBANDINGAN PERTUMBUHAN KDNK SEBENAR GLOBAL (TkT)

| Geografi | 2020 | 2021 | 2022R |
|---|---|---|---|
| **Malaysia** | **-5.6%** | **3.1%*** | **5.5 to 6.5%** |
| Pasaran Baru Muncul | -2.1% | 6.5% | 4.8% |
| Pasaran Maju | -4.5% | 5.0% | 3.9% |
| Dunia | -3.1% | 5.9% | 4.4% |

** Lebih rendah berbanding Pasaran Baru Muncul, Pasaran Maju, dan Dunia oleh sebab berlakunya PKP yang ketat pada tiga suku pertama 2021*
*Sumber: Bloomberg, IMF, MOF*

# Terdapat beberapa trend positif di peringkat global dan Malaysia yang telah meningkatkan prestasi portfolio kami

KHAZANAH NASIONAL

## TREND GLOBAL




*Sumber: Bloomberg*

- Penilaian yang tinggi untuk kedua-dua pasaran awam dan swasta
- Pendanaan yang tersedia berada di peringkat tertinggi dalam Ekuiti Swasta ("PE")
- Aliran PE global yang tinggi: Teknologi, Media dan Telekom ("TMT")

## TREND SEKTOR MALAYSIA

### Perbankan

**Pinjaman dalam sistem**

*+4.5% TkT*

### Pengguna

**Pergerakan runcit dan rekreasi**

*Pulih 95% berbanding sebelum Covid-19*

### Penjagaan Kesihatan

**Perbelanjaan pembangunan kesihatan**

*+7.8% TkT*

### Hartanah

**Kelulusan untuk pembinaan rumah**

*+2.2% TkT*

*Data 2021 dibandingkan dengan 2020*
*Sumber: BNM, MoF, Google Mobility*

MEMAJUKAN MALAYSIA

# Namun cabaran dalam sektor Pelancongan dan Pengangkutan tempatan terus memberi tekanan kepada pelaburan kami pada 2021

KHAZANAH NASIONAL

## INDUSTRI PENERBANGAN MALAYSIA



| Penerbangan Antarabangsa ▼ | Penerbangan Domestik ▼ |
|---|---|
| -84% | -68% |

## INDUSTRI PELANCONGAN MALAYSIA



| Carian Hotel[1] ▼ | Tempahan Hotel[1] ▼ |
|---|---|
| -67% | -66% |

## INFRASTRUKTUR LEBUH RAYA MALAYSIA



| Trafik Kenderaan Di Lebuh Raya Bertol[2] ▼ | Hasil Tol di Lebuh Raya[2] ▼ |
|---|---|
| -38% | -45% |

*Data 2021 dibandingkan dengan 2019*
*[1] Angka purata mingguan dari awal tahun sehingga Nov 2021; [2] Lebuh raya PLUS sahaja*
*Sumber: Unit Perancang Ekonomi, CEIC, Malaysia Airports Holdings Berhad, Sojern, Pengurusan PLUS*

# Walaupun berhadapan tahun yang mencabar, Khazanah telah mencatatkan beberapa kejayaan ketara merentas portfolio, kewangan dan kapasiti organisasi

KHAZANAH NASIONAL

## PORTFOLIO DAN PRESTASI KEWANGAN

**Jumlah Nilai Aset Bersih** (“NAV”) meningkat daripada **RM79b kepada RM86b** pada 2021

Dana Komersial 2021 Kadar Pulangan Berwajaran Masa ("TWRR") NAV **19.0% – melebihi sasaran Indeks Harga Pengguna + 3.0%**

**Mengambil langkah untuk mengekalkan nilai aset** – termasuk menyelesaikan proses penstrukturan semula Malaysia Aviation Group

**Mencatatkan keuntungan RM670j** dengan bayaran dividen RM2b untuk 2021

## PENAMBAHBAIKAN ORGANISASI

Membangunkan **strategi Kemampanan** menyeluruh, Prinsip Panduan dan mengenal pasti isu **utama ESG** untuk Khazanah

Pelaksanaan selanjutnya **inisiatif pendigitalan** dan penggunaan platform teknologi baharu

**Nilai teras yang diperbaharui dilaksanakan** di seluruh organisasi

# Kami terus mencatatkan pertumbuhan dan melindungi aset bagi pihak negara

KHAZANAH NASIONAL

**PERTUMBUHAN NAV (RM b)**




[1] *Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun*

**RM17b**
Jumlah Dividen Terkumpul yang dibayar kepada Kerajaan Malaysia

**RM70b**
Jumlah terkumpul Pulangan untuk Pemegang Saham

# Khazanah mengatasi jangkaan pulangan ke atas Dana Komersial pada 2021, dengan pulangan 19.0% pada tahun lepas

KHAZANAH NASIONAL

| 19.0% | 7.0% | RM106b |
|---|---|---|
| NAV TWRR 2021 | NAV TWRR pada asas kitaran 3 tahun | RAV 2021 |

- ✓ Peningkatan kepelbagaian dan kemajuan ke arah sasaran Peruntukan Aset Strategik ("SAA") dengan penempatan berterusan ke dalam Ekuiti Awam – Pasaran Maju, Aset Nyata dan Ekuiti Swasta
- ✓ Membangunkan pelan penciptaan nilai yang jelas untuk aset utama bagi memudahkan pulangan kewangan dan menambah baik operasi/strategi perniagaan untuk ekosistem Malaysia
- ✓ Prestasi positif sebahagiannya disumbang oleh kejayaan pengewangan pelaburan Ekuiti Swasta kami di AS dan Eropah yang disenaraikan pada tahun ini pada penilaian yang tinggi

AUTO1 GROUP Palantir SoFi

# Meskipun aset domestik terus mencatatkan pemulihan pada 2021, prestasi aset global kami telah menjangkaui sasaran pulangan sepanjang tiga tahun lepas

KHAZANAH NASIONAL

| Dana Komersial ("CF") RAV TWRR mengikut Kelas Aset | 2019 | 2020 | 2021 | Kitaran 3 tahun | Peranan Kelas Aset |
|---|---|---|---|---|---|
| Pasaran Awam: Malaysia | 2.5% | -7.8% | 19.5% | **4.1%** | **Pendedahan kepada pasaran global dan kecairan** |
| Pasaran Awam: Global | 27.5% | 26.2% | 1.6% | **17.8%** | |
| Pasaran Swasta: Malaysia | 7.9% | -6.4% | 13.9% | **4.8%** | **Pulangan jangka panjang yang lebih tinggi menerusi penempatan programatik** |
| Pasaran Swasta: Global | 6.1% | -1.3% | 19.1% | **7.6%** | |
| Aset Nyata | 10.5% | 0.1% | 11.2% | **7.1%** | **Hasil dan kitaran balas kepada ekuiti** |

**Kepelbagaian portfolio kami membolehkan kami menjana pulangan yang lebih stabil untuk mencapai objektif kami – termasuk menyokong aset Pembangunan dan Situasi Khas**

# Kami terus melaksanakan penempatan pelaburan dan program pengewangan pada 2021 biarpun dengan keadaan pasaran yang mencabar

KHAZANAH NASIONAL

**PELABURAN**
**RM8.7b**




**PENGEWANGAN**
**RM4.8b**



# Kami menyokong banyak aset kami dalam Dana Strategik untuk mengharungi impak pandemik COVID-19 dan melindungi nilai pemegang saham

KHAZANAH NASIONAL

| -11.4% | -21.4% | RM28b |
|---|---|---|
| NAV TWRR 2021 | NAV TWRR pada asas kitaran 3 tahun | RAV 2021 |

- ✓ Menyelesaikan **proses penstrukturan semula Malaysia Aviation Group (“MAGB”)** dengan komitmen modal RM3.6b diperuntukkan untuk tempoh 5 tahun
- ✓ **Menyokong aset pembangunan semasa tempoh pandemik Covid-19** melalui suntikan modal dan pelan penciptaan nilai

TENAGA NASIONAL TM MALAYSIA AIRPORTS PLUS malaysia airlines THEMED ATTRACTIONS RESORTS & HOTELS ISKANDAR MALAYSIA

# Khazanah terus memantau dan menguruskan OPEX dan paras Hutang pada 2021

KHAZANAH NASIONAL

## OPEX (RM j)

**OPEX / RAV**[1] **40bps → 31bps**




[1] *Sasaran jangka panjang 30-35 mata asas (bps)*
*RAV = Nilai Aset Boleh Tunai*

## HUTANG (RM b)

**Lindungan RAV**[2] **2.9x → 2.8x**




[2] *Sasaran jangka panjang 3.0x – 4.0x.*
*Lindungan RAV = RAV / Hutang*

MEMAJUKAN MALAYSIA

# Khazanah mencatatkan keuntungan RM670j dari operasi dengan bayaran dividen RM2b pada 2021

KHAZANAH NASIONAL

## KEUNTUNGAN DARIPADA OPERASI

**RM670j**

2020: RM2,897j

**Berkurangan berbanding 2020 susulan:**

- **Sokongan kewangan yang berterusan untuk syarikat Penerbangan dan Pelancongan** Khazanah **yang masih mengharungi cabaran** susulan pandemik Covid-19
- **Keuntungan nilai wajar yang lebih rendah** dan **Dividen yang lebih rendah** daripada syarikat pelaburan susulan pendapatan yang lemah pada 2020

## SUMBANGAN KEPADA KERAJAAN

| RM j | 2020 | 2021 |
|---|---|---|
| Dividen | 2,000 | 2,000 |
| Percukaian | 80 | 227 |
| Sumbangan kepada kerajaan dan inisiatif sosial lain[1] | 70 | 101 |

[1] *Insentif 'Film in Malaysia', Bantuan COVID-19 dan Banjir, MyStep, Tabung Cerdik*

# Kami mencatatkan kemajuan dalam inisiatif Kemampanan pada 2021

KHAZANAH NASIONAL



- ✓ Terus melaksanakan **strategi Kemampanan** dan memfokuskan kepada **integrasi ESG merentasi aktiviti pelaburan kami**




- ✓ **Mengurangkan sisa dan pelepasan karbon** menerusi inisiatif bersasar di seluruh organisasi



- ✓ **Melaksanakan Pelan Integriti dan Antirasuah Khazanah** dan mengukuhkan lagi tadbir urus di Khazanah dan syarikat berkaitan

# Kami kekal teguh dalam membina keupayaan Digital dan membangunkan modal insan kami

KHAZANAH NASIONAL



✓ **Melancarkan platform pengurusan pekerja hujung-ke-hujung (“KITA”)** untuk kakitangan Khazanah dan penyelesaian **pengurusan aliran urus niaga** yang didayakan pengkomputeran awan



✓ Peningkatan penggunaan **penyelesaian data dan analitik** untuk menambah baik proses membuat keputusan pelaburan




✓ **Memperbaharui semula nilai teras** sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Budaya

# Khazanah terus memberikan impak kepada masyarakat Malaysia menerusi inisiatif kami dan organisasi berkaitan

KHAZANAH NASIONAL

### YAYASAN HASANAH
A foundation of Khazanah Nasional




- **Menguruskan RM554j dana[1] untuk 312 projek** merentasi tema seperti pendidikan dan pembangunan sosial
- **Memberikan bantuan kepada 1.5j orang** secara langsung atau tidak langsung[2]

[1] *Termasuk sumbangan daripada YH dan pihak ketiga*
[2] *Melalui Geran Hasanah, Cerdik, Bantuan Kemanusiaan & Bencana dll.*

### KHAZANAH RESEARCH INSTITUTE




- **30 penerbitan** merentasi pelbagai topik seperti perlindungan sosial, transformasi digital, ketidaksamarataan global, pendidikan, pengangguran

### TAMAN TUGU MALAYSIA



- **Peningkatan pelawat sekitar ~30%**
- Melengkapkan pengiraan jejak karbon untuk Taman Tugu
- Sambutan yang baik untuk program mengutip dana utama

### KHAZANAH NASIONAL KHAZANAH MEGATRENDS FORUM 2021




- Khazanah Megatrends Forum 2021 diadakan secara maya pada 4-6 Oktober 2021 dengan tema “The Invention of Tomorrow”

MEMAJUKAN MALAYSIA

# Kami turut menyokong beberapa program dan usaha sosial dan kebangsaan pada 2021

KHAZANAH NASIONAL

| CERDIK | BANTUAN COVID-19 | BANTUAN BANJIR | KHAZANAH MYSTEP |
|---|---|---|---|

**CERDIK**




- **Yayasan Hasanah** mengedarkan **152k peranti elektronik** kepada **pelajar di 1,324 sekolah**
- **Khazanah menyumbang RM25 juta** kepada CERDIK, dan **menghantar 208 peranti** ke sekolah di Kedah dan Kuala Lumpur melalui kutipan derma kakitangan

**BANTUAN COVID-19**




- Kakitangan Khazanah menyumbang **RM180k kepada Mercy** dan **RM70k kepada Malaysian Relief Agency**
- **Yayasan Hasanah menyerahkan bantuan COVID-19 sebanyak RM455j**[1] (termasuk sumbangan daripada GLC lain)

**BANTUAN BANJIR**

GLC/GLIC DISASTER RESPONSE NETWORK



- **Khazanah menyumbang RM5j** untuk bantuan mangsa banjir, dan **YH menyumbang RM2.5j**
- GLC/GLIC Disaster Response Network (GDRN) **mengumpul RM63j:**
  - 62,000 orang dibantu
  - 1,144 sukarelawan berikan khidmat
  - 20 rakan GLC/GLIC

**KHAZANAH MYSTEP**




- **7,060 peserta** diberikan latihan dan penempatan jangka pendek di GLC

[1] *Termasuk pembelian langsung (iaitu pendidikan, peralatan perubatan) dan perbelanjaan untuk sokongan kepada mereka yang terjejas oleh pandemik Covid-19*

01 Sorotan 2021

# 02 MENUJU KE HADAPAN

# Khazanah berada dalam kedudukan unik yang menghubungkannya dengan Kerajaan, Sektor Swasta dan Komuniti



# Kami menetapkan 4 Strategi Jangka Panjang yang menjelaskan langkah yang akan diambil untuk menjayakan matlamat kami

KHAZANAH NASIONAL

**Melabur untuk menghasilkan nilai mampan bagi rakyat Malaysia**

Strategi jangka panjang













Nilai Teras

Kami berpegang
kepada tanggungjawab

Kami menghormati
perbezaan pandangan

Kami menyokong
antara satu sama lain

# Mengambil kekuatan daripada kedudukan unik ini, Khazanah akan mengambil inisiatif di dalam 4 bidang utama sebagai sebahagian daripada misi kami untuk Memajukan Malaysia

KHAZANAH NASIONAL

1

**Dana Impak** akan melabur sehingga RM6bn dalam tempoh 5 tahun dalam sektor pemangkin untuk mengukuhkan daya tahan negara dan membuka peluang pertumbuhan baharu

2

**Pemain Korporat Aktif** dalam pasaran modal Malaysia untuk memacu pertumbuhan ekonomi

TM, TENAGA NASIONAL, MALAYSIA AIRPORTS, axiata, CIMB

3

**Kehadiran Global** dalam pasaran antarabangsa, memudahkan aliran pengetahuan, jaringan dan peluang pelaburan



4

Fokus kepada **Pembinaan Kapasiti dan Masyarakat Berdaya** untuk manfaat rakyat Malaysia

YAYASAN HASANAH, KHAZANAH RESEARCH INSTITUTE, TAMAN TUGU MALAYSIA, YAYASAN KHAZANAH, KHAZANAH RESIDENCY PROGRAMME, thinkCITY, MYSTEP

# 1) Dana Impak ("DI")

*Kami memperuntukkan RM6b untuk pelaburan Dana Impak dalam tempoh 5 tahun akan datang bagi mewujudkan pulangan sosioekonomi kepada negara*

KHAZANAH NASIONAL

## APA ITU DANA IMPAK?



**Dana Impak adalah peruntukan RM6b baharu** yang diwujudkan di dalam Khazanah Nasional…

## APAKAH OBJEKTIF DANA IMPAK?



**Meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia…**



…dan **membina daya tahan negara**

## APAKAH HASIL YANG DISASAR DIWUJUDKAN OLEH DANA IMPAK?

Untuk **mewujudkan pulangan sosioekonomi dan impak** kepada masyarakat menerusi enam tema

- Masyarakat Digital & Hab Teknologi
- Kesihatan Berkualiti & Pendidikan untuk semua
- Pekerjaan Baik & Mobiliti Sosial
- Jaminan Makanan & Tenaga
- Membina Ketahanan Iklim
- Persaingan di Pasaran Global

## 1) Dana Impak ("DI")

*Khazanah akan mengguna pakai pendekatan yang berpadanan dalam pelaksanaan inisiatif DI. Sebagai contoh, KICC yang disasarkan kepada meningkatkan penyertaan dalam idea dan pemberian geran kepada PKS untuk penyelesaian Perkhidmatan Warga Emas*

KHAZANAH NASIONAL








**Cabaran Inovasi Impak Khazanah ("KIIC") pertama bertemakan 'Menambah baik Perkhidmatan untuk Warga Emas Malaysia'**

- Projek ini disasar untuk merangsang pembangunan perkhidmatan penjagaan warga emas yang mampu milik, mudah diakses dan mampan untuk Malaysia.
- Enam syarikat dipilih daripada 130 pemohon; geran bernilai RM300k diberikan kepada setiap syarikat, dengan peluang untuk menjalani program pengembangan yang berstruktur.
- Bekerjasama dengan MRANTI (sebelum ini dikenali sebagai MaGIC) dan Endeavor dalam melaksanakan KIIC.

# 2) Pemain Korporat Aktif

*Kami akan menjadi peserta aktif dalam pasaran modal Malaysia, melonjakkan pertumbuhan ekonomi*

KHAZANAH NASIONAL

| Mencergaskan semula pasaran Malaysia | Memacu prestasi terbaik dalam kelasnya | Memastikan Korporat Malaysia kalis masa depan | Memastikan kematangan Persekitaran Kawal Selia |
|---|---|---|---|
| Meningkatkan penyertaan dalam pelaburan swasta baharu | Memastikan Lembaga Pengarah dan pengurusan bertanggungjawab atas strategi perniagaan dan prestasi | Rakan niaga dan pasukan pengurusan dan pemilik yang tepat untuk fasa perniagaan dan kitaran hayat | Bekerjasama dengan pengawal selia untuk memastikan polisi yang mampan, adil dan konsisten |

# 3) Kehadiran Global

*Khazanah akan terus berperanan sebagai wakil Malaysia dalam pasaran global, dengan kerjasama dan pelaburan yang bertindak sebagai aliran antara Malaysia dan serata dunia*

KHAZANAH NASIONAL

Kerjasama dan jaringan global kami telah memberikan kami akses kepada **data, pengetahuan dan aliran pelaburan bersama yang mantap**



Jaringan kerjasama dan pelaburan yang dilaksanakan

Perpindahan pengetahuan dan maklumat, aliran pelaburan bersama

Menarik pelaburan ke Malaysia

Melalui pelaburan dan jaringan global, kami telah mampu **untuk menarik aliran pelaburan masuk (FDI) ke Malaysia**

# 4) Membina Kapasiti dan Masyarakat Berdaya

*Kami akan meneruskan usaha yang dibina sepanjang sedekad yang lepas dan mencari kaedah yang lebih baik untuk menyampaikan pulangan sosial kepada masyarakat*

KHAZANAH NASIONAL

**MENYUMBANG >RM1B SEPANJANG 10 TAHUN YANG LEPAS**

- Pendidikan
- Pembangunan Komuniti
- Alam Sekitar
- Seni, Warisan & Kebudayaan
- Pengetahuan
- Bantuan Krisis

**KHAZANAH AKAN TERUS MENGHASILKAN PULANGAN SOSIAL DAN KEKAL RELEVAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA**



Bagaimanakah kita boleh sokong rakyat dengan lebih baik?



Bagaimanakah kita boleh mengekalkan dan memperaga warisan Malaysia?



Bagaimanakah kita boleh membina kapasiti Malaysia?



Bagaimanakah kita boleh lindungi biodiversiti Malaysia?



Bagaimanakah kita boleh meningkatkan tahap bakat negara?

MEMAJUKAN MALAYSIA

# Kekuatan Kewangan adalah teras kepada Khazanah dalam usaha Memajukan Malaysia, dan ini dicapai menerusi portfolio yang pelbagai dengan keutamaan yang khusus

KHAZANAH NASIONAL

| | KESELURUHAN PORTFOLIO KHAZANAH | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Portfolio Pelaburan** | **Portfolio Dana Impak** | **Aset Pembangunan** | **Aset Situasi Khas** |
| | **RM120.3b** RAV | **RM6.0b** diperuntukkan | **RM4.5b** RAV | malaysia airlines |
| **Definisi** | Semua aset tertakluk kepada jangkaan pulangan komersial | Semua pelaburan Dana Impak dengan sasaran jelas berkenaan hasil sosioekonomi | Pelaburan pembangunan jangka panjang yang berpotensi untuk menghasilkan impak ekonomi yang tinggi | Aset yang memerlukan pemulihan dari segi keuntungan dan aliran tunai operasi yang mampan |
| **Keutamaan** | Usaha menyeimbangkan portfolio ke arah sasaran Peruntukan Aset Strategik ("SAA") | Rancang dan laksana pelaburan dalam 6 tema yang dikenalpasti untuk menyampaikan impak sosioekonomi yang boleh diukur | Terus memimpin syarikat ke arah kemampanan kewangan jangka panjang | Pengurusan secara aktif untuk menyelesaikan aset yang berdepan dengan situasi yang sangat mencabar |

MEMAJUKAN MALAYSIA

# Usaha kami akan menyampaikan hasil utama ke arah Memajukan Malaysia

KHAZANAH NASIONAL



Pertumbuhan Aset menerusi usaha penciptaan nilai




Syarikat yang mempunyai daya saing global



Impak sosioekonomi positif untuk rakyat menerusi Dana Impak



Lebih banyak pulangan sosial yang disampaikan kepada semua rakyat Malaysia

ADVANCING MALAYSIA

KHAZANAH NASIONAL

# TERIMA KASIH

Layari laman web kami di www.khazanah.com.my

@Khazanah_MY

@khazanahnasional

Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad ©2022